

**Kesetiaan Kepada BN Tidak Terhakis Dalam Pertikaian SPDP - Taib Bernama
11 Januari, 2012**

KUCHING, 11 Jan (Bernama) -- Masalah yang kini melanda Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) tidak merebak memandangkan pemimpin yang bertelagah terus kekal dengan Barisan Nasional (BN).

Pengerusi BN Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata kesetiaan ini terserlah meskipun empat wakil rakyat SPDP meninggalkan parti itu, manakala seorang lagi dipecat.

"Saya sesungguhnya percaya kedua-dua pihak amat menumpukan perhatian untuk menjalankan peranan masing-masing dalam BN. Tidak seorang pun daripada mereka yang malah ingin berfikir sekali pun di luar BN," katanya kepada pemberita di sini selepas melancarkan Hari Integriti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak (SEDC) di sini.

Empat wakil rakyat yang meninggalkan parti itu berkuat kuasa Sabtu lepas ialah Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Tasik Biru, Datuk Peter Nansian Ngusie, Rosey Yunus (Bekenu), Paulus Palu Gumbang (Batu Danau) dan Anggota Parlimen Mas Gading Datuk Dr Tiki Lafe.

Sebelum itu, Presiden SPDP Tan Sri William Mawan, selepas mesyuarat majlis tertinggi parti November lepas, mengumumkan pemecatan Adun Marudi Datuk Sylvester Entri Muran daripada parti kerana ingkar.

Sejak itu, kumpulan berkenaan yang pernah digelar sebagai SPDP 5 selain RENTAP, yang dibentuk daripada huruf pertama dalam nama mereka, mengumumkan pembentukan Kelab Barisan Nasional di kawasan pilihan raya masing-masing.

Taib, yang juga Ketua Menteri Sarawak, berkata sungguhpun beliau belum mendapat butiran lanjut berhubung peranan kelab itu, namun beliau percaya ia berkemungkinan tanda-tanda bahawa "walau apa pun masalah yang mereka hadapi dalam parti, mereka ingin menunjukkan bahawa mereka dipilih sebagai wakil BN."

"Bagi saya, mereka masih mempunyai peranan seperti sebelum ini," kata beliau ketika ditanya sama ada BN Negeri memperakukan pembentukan kelab berkenaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639344>